

BAB II

TINJAUAN KAJIAN TERDAHULU

2.1 Pengenalan

Pada peringkat awal kajian perilaku pengundi, iaitu sebelum tahun 1950an, persoalan *‘kenapa setiap parti mendapat sekian banyak undi’* menjadi fokus utama (Butler 1955). Dengan kata lain, tahap sokongan yang diperoleh setiap parti dalam setiap pilihan raya tertentu, menarik perhatian para pengkaji. Kajian sedemikian biasanya berakhir dengan memberi gambaran umum terhadap kecenderungan dan corak kestabilan jangka panjang berdasarkan jumlah undi yang diperolehi oleh parti-parti bertanding.

Kajian-kajian yang dilakukan pada tahun 70an, 80an dan 90an menunjukkan bahawa perilaku pengundi adalah tidak stabil atau *‘volatile’* (Butler and Stokes 1969 dan 1974; Miller *et al.*, 1990). Penemuan kajian tersebut membuka ruang untuk kajian lanjut dilakukan terhadap faktor atau pengaruh yang menyumbang kepada proses kerenggangan atau *‘dealignment’* antara pengundi dan parti-parti dominan (Dalton *et al.*, 1984; Dalton, 1984, 2000).

Sehubungan dengan itu, fokus awal kajian perilaku pengundi telah melalui transformasi daripada mengetahui jumlah undi diterima oleh setiap parti, kemudian memerhati corak pengundian, kepada mengenal pasti identifikasi parti dan keperluan mengenal pasti kekuatan sosial yang mempengaruhi pilihan pengundi.

2.2 Pendekatan Dalam Memahami Perilaku Pengundi

Sekolah pemikiran Columbia dan Michigan memberi pengaruh kuat pada peringkat awal kajian mengenai perilaku pengundi. Kedua-dua model ini pada asasnya meletakkan aspek sosial sebagai penentu undi. Model Columbia mengandaikan bahawa perilaku pengundi dipengaruhi oleh lokasi sosial (kelas, etnik, wilayah dan bahasa) dan model Michigan menekankan aspek identifikasi parti atau sikap bersimpati terhadap sesebuah parti hasil daripada dimobilisasikan oleh parti (menerusi agen seperti hubungan keluarga, rakan sekerja, rakan seagama, etnik, kelas dan sebagainya).

Model Columbia diperkenalkan oleh Lazarsfeld (et. al., (1948) yang menghujahkan bahawa kumpulan sosial seseorang individu yang didefinisikan dalam terma kelas, etnik atau wilayah, menjadi penentu terhadap parti mana yang akan dipilih oleh seseorang pengundi. Hal ini adalah kerana semasa kempen politik, kumpulan sosial akan memastikan ahli-ahli kumpulan menerima ideologi kumpulan tersebut. Oleh itu, unit analisis dalam model ini adalah terhadap ‘kumpulan’ dan ‘parti politik’, bukan pengundi itu sendiri (Harrop dan Miller 1987: 157). Pengarang buku ‘The People’s Choice’ menyatakan bahawa, *‘a person thinks, politically, as he is socially. Social characteristic determine political preference’* (Lazarsfeld et al. 1948: 27).

Sekolah pemikiran Michigan diasaskan oleh Campbell (et al., 1960 yang menekankan soal identifikasi parti. Identifikasi parti didefinisikan sebagai,

“..an individual affective orientation to an important group-object in his environment ... the political parties serves as the group towards which the

individual may develop an identification, positive or negative, of some degree of intensity” (Campbell et al., 1960: 121-2).

Model Michigan mengandaikan individu mendapat pendedahan awal mengenai sokongan terhadap parti politik menerusi keluarga dan sosialisasi semasa kanak-kanak. Seterusnya identifikasi parti terhadap parti dipengaruhi oleh perubahan kerja, migrasi atau perkahwinan (Campbell et al. 1960: 149-153). Identifikasi parti menjadikan pengundi mempunyai hubungan psikologi yang lama dengan sesebuah parti dan amat jarang untuk tidak mengundi parti berkenaan pada setiap kali pilihan raya diadakan (Campbell et al., 1960).

Namun begitu, kajian kontemporari terhadap perilaku pengundi didapati banyak beroperasi dalam kerangka teori pilihan rasional (Salvik dan Crewe 1983; Stokes 1992; Clark et al., 2004; Dalton, 1984, 2007, 2012; Lindberg 2012). Isu yang menjadi fokus utama kepada teori pilihan rasional adalah penilaian terhadap polisi penyandang, prestasi ekonomi dan imej kepimpinan parti. Andaian utama model ini ialah pengundi merupakan individu yang rasional dalam membuat pertimbangan terhadap calon dan parti sebelum mereka mengundi. Perkiraan perolehan ekonomi dan pemaksimaan utiliti biasanya digunakan untuk menerangkan pilihan politik bagi tujuan pencarian terhadap pilihan terbaik (Downs, 1958: 39). Teori ini memberi fokus penilaian individu, namun begitu ia tidak menolak kekuatan pengaruh sekolah pemikiran Columbia dan Michigan bilamana walaupun secara tidak terbuka, teori pilihan rasional turut mengandaikan bahawa identiti sosial memainkan peranan penting dalam membuat keputusan (Anderson and Heath, 2000: 3).

Daripada perspektif ‘pasca modenis’, pendekatan kumpulan dan utiliti seperti digambarkan oleh model Columbia, Michigan dan model pilihan rasional perlu mengambil kira agama dan budaya masyarakat setempat. Pendekatan sedemikian menyamai wacana yang dipelopori oleh Almond dan Verba (1963). Walaupun Almond dan Verba (1963) mengaitkan wacana mereka terhadap budaya sivik (civic culture) dengan modenisasi dan demokrasi, mereka sedar bahawa individu dalam masyarakat mempunyai sifat-sifat yang berbeza. Kontinum budaya sivik bermula dengan parokial dan berakhir dengan partisipasi dan pergerakan ke arah partisipasi. Partisipasi politik oleh massa dianggap sebagai kemuncak kepada modenisasi dan memiliki nilai-nilai ‘pasca modenis’ (Inglehart, 1997). Oleh itu, pengaruh agama, tradisi dan budaya masyarakat setempat perlu dipertimbangkan dalam usaha memahami kesannya terhadap perilaku pengundi.

Pendekatan yang diambil untuk mengkaji perilaku pengundi berpaksi kepada model Columbia dan Michigan yang memulakan analisis mereka dengan memberi fokus kepada faktor sosiologi. Semasa pengasas model Columbia dan Michigan membuat kajian, pengundi kebanyakannya tidak mempunyai kemahiran yang tinggi untuk memahami kompleksiti dunia politik. Surat khabar dan radio merupakan sumber rujukan utama. Dalam situasi tersebut, parti merupakan penyampai maklumat kepada pengundi untuk memudahkan mereka memahami dunia politik (Dalton, et al, 1984; 2007: 275). Pembangunan sistem pendidikan yang lebih baik, sumber maklumat yang lebih banyak (seperti televisyen, majalah dan buku-buku politik) dan proses urbanisasi menyebabkan pengundi tidak lagi bergantung kepada parti. Sehubungan dengan itu, dua model klasik tersebut dianalisis kembali bersama dengan model pilihan rasional. Perkembangan ini menjadikan penganalisaan terhadap pengundi dan persekitaran mereka menjadi fokus baru dan kajian perilaku pengundi tidak lagi hanya tertumpu

kepada jumlah undi yang diterima oleh setiap parti bertanding sahaja, seperti pada peringkat awal.

2.3 Kajian Perilaku Pengundi Pada Peringkat Nasional

Kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat menggunakan model Michigan khususnya pada tahun 1960an menunjukkan bahawa identifikasi parti berjaya menarik individu untuk terlibat dengan proses politik (King, 1969: 123-28; Converse and Dupeux, 1962; Verba *et al.* 1978: Bab 6). Dengan kata lain, model identifikasi parti mempunyai fungsi mobilisasi tersendiri selain hanya membantu pengundi memahami kompleksiti dunia politik. Walau bagaimanapun, pengaruh model Michigan mula dipersoalkan pada dekad 1970an dan keputusan pilihan raya pada tahun 1980 menunjukkan terdapat corak pengundian yang tidak stabil berlaku (Daalder and Mair, 1983; Dalton, et al., 1984). Perbincangan mengenai krisis keyakinan terhadap parti menjadi perkara biasa (Rose, R. and McAllister, 1986; Clarke and Kornberg, 1996; Bartels, 2000).

Menurut Dalton (2012: 276), transformasi sosio-ekonomi yang berlaku di Amerika Syarikat semenjak dekad 1970 menyebabkan pengundi tidak lagi berpanduan kepada parti semasa membuat keputusan. Menggunakan data daripada American National Election Studies, Dalton (2007: 274-75) mendapati sebanyak 41 peratus responden tidak memiliki identifikasi parti (pengundi atas pagar) berbanding dengan 25 peratus pada tahun 1950an. Menurut beliau, pengundi atas pagar tersebut berada dalam kategori PAB (apartisan) dan TMP (apolitical) serta menyumbang kepada peningkatan naik-turun dalam corak pengundian di Amerika Syarikat memandangkan pengundi PAB khususnya mengamalkan pengundian ‘split-ticket’, membuat keputusan dengan

mengikuti kempen dan menilai polisi yang ditawarkan oleh calon atau parti (Dalton, 2012: 283-85).²²

Dalton (1984)²³ juga membuat kajian perbandingan di antara lapan buah negara demokrasi Barat bagi melihat kesan mobilisasi parti dan literasi politik. Beliau mendapati bahawa pengundi di Amerika Syarikat dan Jerman (Barat) berada dalam kategori PAB dan PPB mengatasi lain-lain negara Eropah dan menggambarkan tahap penyertaan politik dan pendidikan yang tinggi di Amerika dan Jerman. Literasi politik atau mobilisasi kognitif agak terhad di Finland, Britain dan Itali. Sehubungan dengan itu, ketiga-tiga negara berkenaan mempunyai jumlah kategori PSP yang agak tinggi (Dalton, 1984: 271). Misalnya di Jerman, Dalton (2012)²⁴ membuktikan kategori PAB menjadi semakin banyak dan bertanggungjawab terhadap proses naik turun dalam corak pengundian.

Kajian perilaku pengundi yang dilakukan di Eropah lebih mirip kepada model Columbia di mana kumpulan sosial dan posisi ideologi didapati lebih signifikan berbanding dengan identifikasi parti (Evans 2004). Salah seorang pengasas sekolah pemikiran Michigan, David Stokes (1992) menerima pakai konsep perkiraan untung

²² Perubahan dalam aspek pendidikan, perubahan generasi dan peranan media melahirkan kategori pengundi yang dimobilisasikan oleh ilmu pengetahuan atau literasi politik. Mereka terbahagi kepada dua kategori, iaitu PAB yang tidak mengidentifikasi kepada mana-mana parti dalam membuat keputusan mengundi dan 'cognitive partisan' iaitu minat terhadap politik adalah tinggi tetapi masih mengidentifikasikan diri mereka dengan parti (Dalton, 1984: 181). Kategori pengundi 'apartisan' menjadi 'focal point' kepada kajian Dalton di mana kumpulan ini berminat mengikuti perkembangan politik tetapi tidak mengidentifikasi diri mereka dengan parti, faktor polisi menjadi asas pembuatan keputusan (menilai polisi parti dan calon) dan mereka menyumbang bersama kategori 'apolitical' kepada turun-naik arah sokongan pengundi terhadap parti yang bertanding semasa PRU (Dalton, 1984: 270-75). Kategori pengundi yang berbeza menunjukkan kriteria yang berbeza dalam proses pembuatan keputusan dan secara tidak langsung mengubah corak perilaku pengundian.

²³ Kajian perbandingan di lapan buah negara Eropah Barat meliputi Britain, Amerika Syarikat, Finland, Austria, Belanda, Switzerland, Jerman Barat dan Itali.

²⁴ Dalton (2012: 40) mengesan taburan kategori pengundi yang dimobilisasikan oleh parti dan literasi politik dalam kalangan pengundi Jerman bagi tempoh 1976 hingga 2005. Sepanjang tempoh tersebut, kategori 'apartisan' meningkat daripada 6.2 peratus kepada 19 peratus. Kategori 'apolitical' pula meningkat daripada 12 peratus kepada 22 peratus. Sementara itu, kategori 'ritual partisan' menurun daripada 55 peratus kepada 18.6 peratus dan kategori 'cognitive partisan' meningkat daripada 25 kepada 39 peratus.

rugi seperti dicadangkan oleh Downs (1958)²⁵ dalam kajiannya di Britain dan mengandaikan pengundi prihatin terhadap pencapaian matlamat (polisi). Contoh matlamat yang menjadi keprihatinan pengundi adalah seperti kemakmuran (prosperity) dan kesejahteraan (economic well being).

Sekiranya pengundi melihat matlamat yang menjadi keprihatinan umum dicapai pada masa sebelum pilihan raya, biasanya undi akan diberikan kepada penyandang berikutan kejayaannya membawa kemakmuran. Sekiranya penyandang gagal, kesalahan akan diletakkan kepada kerajaan kerana gagal melindungi masyarakat daripada berhadapan dengan kesukaran (Stokes, 1992: 147-150).

Kajian di Britain juga menunjukkan bahawa posisi yang diambil oleh pemimpin parti memainkan peranan penting berbanding dengan lokasi kelas (Burtler and Stokes, 1969). Clarke (*et al.*, 2004) juga mendapati persepsi terhadap kompetensi pemimpin atau imej kepimpinan parti merupakan antara penentu utama dalam proses pembuatan keputusan politik di Britain.

Di Britain, pengundi yang mampu menilai polisi yang ditawarkan oleh parti atau calon tidak dirujuk sebagai PAB sebaliknya dipanggil ‘pengundi ekonomi’. Model ‘pengundi ekonomi’ (dalam konteks British) memberi fokus terhadap polisi ekonomi dan mengaitkan pilihan parti dengan ukuran kejayaan ekonomi (Pattie and Johnston, 1997). Ada antara pengkaji menyatakan ‘*apabila keadaan ekonomi lemah, pengundi akan menolak parti pemerintah*’ (Lewis-Beck, 1991: 2). Seorang pengkaji lain

²⁵ Menurut Down (1958: 39), ‘*sekiranya pengundi itu rasional, dia mengetahui yang tidak ada parti yang berkemampuan menunaikan semua janji-janji mereka. Oleh itu, pengundi tidak boleh hanya membandingkan platform parti semata-mata, sebaliknya pengundi mesti membuat pertimbangan tentang parti mana yang berkemampuan untuk melakukan perkara sebenar apabila mereka berkuasa*’.

mendapati bahawa di antara PRU 1974 hingga 1997 di Britain, kerajaan kehilangan undi dalam kalangan pengundi yang percaya bahawa keadaan ekonomi telah mengalami kemerosotan pada tahun-tahun sebelum PRU diadakan (Sanders, 2003: 261).

Kajian perilaku pengundi yang dilakukan di Belanda secara tradisinya menghubungkan parti-parti politik dengan kumpulan pengundi yang dikaitkan dengan agama, kelas dan ideologi dengan pilihan pengundi (Middendorp and Tanke, 1990). Tetapi apabila sistem dua parti diwujudkan, pengundi di Belanda mula menilai aspek keadaan ekonomi dan polisi spesifik parti-parti bertanding berserta isu-isu yang melibatkan kumpulan.

Sementara itu, di negara lain menunjukkan aspek kepimpinan parti, wilayah (regional), sosio-ekonomi seperti etnisiti, agama, bahasa dan budaya didapati lebih signifikan berbanding dengan dimensi kelas dalam mempengaruhi pengundi. Kajian yang dilakukan di Kanada (Clarke *et al.*, 1982) misalnya menunjukkan pengundi yang mengidentifikasikan diri mereka dengan sesebuah parti semakin merosot sejak awal tahun 1970an.²⁶ Pengundi yang tidak mengidentifikasikan diri mereka dengan mana-mana parti dan secara relatifnya tidak minat mengikuti perkembangan politik cenderung membuat keputusan mengundi berdasarkan imej pimpinan parti. Sementara itu, bagi pengundi yang relatifnya minat mengikuti perkembangan politik, isu-isu utama semasa kempen menjadi penentu ketika membuat keputusan mengundi (Clarke *et al.*, 1982: 517-552).

²⁶ Clarke (*et al.*, 1982: 517) menggunakan sampel sebanyak 2,744 orang responden semasa PRU 1979 di Kanada. Sampel tersebut termasuk 1,295 orang responden yang pernah menjadi responden semasa PRU tahun 1974.

Ketidakstabilan terhadap identifikasi parti, khususnya terhadap parti-parti utama dalam kalangan pengundi Kanada menjadi semakin besar dalam tempoh antara PRU 1988 – 1993 (Clarke and Kornberg, 1996).²⁷ Berdasarkan kepada keseluruhan sampel, Clarke dan Kornberg (1996) menyatakan hanya 49 peratus sahaja pengundi yang mengambil bahagian sebagai responden dalam kajian berbentuk panel, mengidentifikasikan diri mereka dengan parti dalam tempoh lima tahun kajian tersebut. Sementara itu, 33 peratus lagi mengubah identifikasi mereka kepada parti lain. Ketidakstabilan dalam identifikasi tersebut digantikan dengan peralihan sokongan kepada parti-parti yang berasaskan wilayah (Clarke and Kornberg, 1996: 471).

Kajian perilaku politik di Jerman menggunakan pendekatan literasi politik, Dalton (2012) menunjukkan pengaruh mobilisasi parti semakin menurun dan kategori pengundi yang dimobilisasikan oleh literasi politik semakin meningkat dalam tempoh antara tahun 1976 hingga 2005. Sepanjang tempoh tersebut, kategori PAB meningkat daripada 6.2 peratus kepada 19 peratus. Kategori TMP pula meningkat daripada 12 peratus kepada 22 peratus. Sementara itu, kategori PSP menurun daripada 55 peratus kepada 18.6 peratus dan kategori PPB meningkat daripada 25 kepada 39 peratus. Dalton (2012) mendapati bahawa kategori PAB dan PSP merupakan dua kelompok pengundi yang menilai polisi yang dibawa oleh parti dan calon semasa pilihan raya dan menyumbang kepada peralihan corak pengundian di Jerman.

Dalam kajian yang dilakukan di Ghana, Lindberg (2012) menyatakan bahawa pengundi masih menghargai politik naungan (patronage) tetapi dalam masa yang sama mereka membuat penilaian terhadap aspek ekonomi. Berdasarkan sampel sebanyak 1,600 orang responden, 85 peratus responden mengharapkan wakil rakyat mereka

²⁷ Berdasarkan saiz sampel sebanyak 1,496 orang responden yang dijalankan selepas PRU 1993 (Clarke and Kornberg, 1996: 473).

memenuhi permintaan pengundi (membekalkan barangan awam seperti rumah, jalan raya dan sebagainya). Namun begitu, politik naungan (patronage) tidak mempengaruhi keputusan pengundi memilih parti. Undi kepada parti pembangkang atau penyandang adalah ditentukan oleh penilaian pengundi terhadap prestasi ekonomi dan polisi kerajaan (Lindberg, 2012: 1).

Daripada perbincangan seperti di atas, dapat diperhatikan bahawa pelbagai perspektif teoritikal telah digunakan untuk memahami perilaku pengundi. Kajian terhadap perilaku pengundi telah mengalami perubahan, bermula dengan usaha untuk memahami mengapa sesebuah parti mendapat sejumlah undi hingga kepada isu pengundi itu sendiri. Khususnya faktor penentu atau pertimbangan yang mempengaruhi pengundi semasa mereka membuat keputusan mengundi. Antara faktor penentu yang dikenal pasti adalah lokasi sosial, identifikasi parti, penilaian terhadap ekonomi, imej pimpinan parti, polisi yang ditawarkan oleh parti dan calon. Lokasi kelas dan identifikasi parti dikaitkan dengan mobilisasi parti. Sementara itu penilaian terhadap polisi parti, keadaan ekonomi, imej kepimpinan parti dan isu-isu utama pula dikaitkan dengan tahap literasi politik. Pertambahan peluang pendidikan dan peningkatan dalam kemahiran mengumpul maklumat politik berikutan dengan proses modenisasi menjadikan pengundi tidak lagi bergantung kepada parti, sebaliknya boleh membuat penilaian sendiri membuat keputusan mengundi.

2.4 Kajian Perilaku Pengundi di Malaysia

Tinjauan kesusasteraan terhadap kajian perilaku pengundi di Malaysia menunjukkan terdapat empat pendekatan utama yang berpengaruh dan sering digunakan oleh para

pengkaji perilaku pengundi.²⁸ Pendekatan yang dimaksudkan adalah seperti berikut: a) signifikansi etnisiti; b) analisis kelas dan gaya hidup; c) budaya politik, dan; d) teori pilihan rasional.

2.4.1 Etnisiti sebagai Penentu

Pada peringkat awal, aspek perilaku pengundi merupakan tema sampingan dalam kajian yang memfokuskan terhadap sistem elektoral atau pilihan raya di Malaysia. Ratnam (1965), Ratnam dan Milne (1970), G.P. Means (1976), Ismail Kassim (1979) dan Horowitz (1985) merupakan antara pengkaji awal yang memberi fokus terhadap perjalanan sistem PRU di negara ini dan pada masa yang sama memberi gambaran terhadap signifikansi etnisiti, agama dan pembangunan ke atas perilaku pengundi di Malaysia.

Kajian yang dilakukan pada peringkat awal juga didapati melanjutkan tema yang dibawa oleh J.S. Furnivall yang menyatakan bahawa Malaysia adalah sama seperti Burma dan Indonesia, di mana penduduknya *'is a plural society; they meet in the market place with no value consensus binding them and live in a polity but compartmentalized and separated'* (Furnivall, 1948). Ratnam (1965), menyatakan bahawa mobilisasi politik berteraskan etnik selepas Perang Dunia Kedua dalam kalangan pelbagai gerakan nasionalis (Melayu, Cina dan India) merupakan cabaran

²⁸ Shamsul A.B. (1986, 2012) menyatakan bahawa kajian politik di Malaysia didominasi oleh kajian terhadap PRU tetapi menggunakan analisis 'psephology' – fokus terhadap keputusan PRU, taburan kerusi yang dipertandingkan, pengagihan dan peratusan undi popular dan majoriti kerusi pemenang. Kajian yang menggunakan analisis 'realpolitik' – berdasarkan ilmu literasi politik yang menyumbang kepada pembangunan komponen seperti idea politik (demokrasi, keadilan sosial, urusan tadbir dan lain-lain) dan institusi politik (kerajaan, Suruhanjaya Pilihan Raya, pertubuhan bukan-kerajaan) didapati masih terhad. Contoh kajian yang menggunakan analisis 'psephology' antaranya adalah seperti : Saravanamuttu (2009); Abdul Rashid Moten (2008); Abdul Rashid Moten and Tunku Mohar Mokhtar (2004); Funston (2000) dan lain-lain artikel yang mengupas keputusan PRU dan Pilihan Raya Kecil yang telah diadakan di Malaysia setakat ini. Tinjauan kajian yang dilakukan pada bahagian ini hanya terhad kepada kajian-kajian yang menggunakan analisis 'realpolitik' yang mempunyai kaitan dengan konsep perilaku pengundi.

utama ke arah usaha mewujudkan perpaduan nasional pada peringkat awal di Malaysia. Menurut beliau, syarat yang dikenakan oleh pihak Kolonial iaitu kemerdekaan hanya boleh diberikan setelah kesatuan di antara pelbagai komuniti dapat dicapai telah memberi insentif kepada para pemimpin parti politik yang akhirnya bersetuju membentuk Parti Perikatan (Ratnam, 1965: 22). Menerusi pemerhatian terhadap perjalanan Pilihan Raya peringkat Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952, PRU tahun 1955 dan 1959, beliau membuat kesimpulan bahawa '*identifikasi bersifat komunal merupakan angkubah utama yang menentukan perilaku politik*' (Ratnam, 1965: 212).

Ratnam dan Milne Ratnam dan Milne (1970) berpendapat bahawa komposisi etnik di setiap kategori kawasan (bandar, semi bandar dan luar bandar) '*was widely believed to have determined the voting*'. Semasa PRU 1969, Perikatan menerima kekalahan besar di kawasan bandar dan semi bandar, khususnya kepada DAP dan Gerakan (Ratnam and Milne, 1970: 204).²⁹ Di kawasan luar bandar seperti di Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu, Perikatan didapati hampir dikalahkan oleh PAS (Kelantan telah berada di bawah PAS semenjak PRU 1959). Tidak seperti mana PRU 1964, di mana isu konfrontasi memihak kepada Perikatan, semasa PRU 1969 pengundi yang membuat keputusan bukan-komunal beralih daripada Perikatan kepada parti bersifat multi etnik seperti DAP dan Gerakan. Gerakan berjaya membentuk kerajaan negeri di Pulau Pinang. Di Selangor dan Perak pula, Perikatan masih berkuasa, tetapi tanpa kelebihan majoriti kerusi DUN (Ratnam and Milne, 1970: 205).

²⁹ Sebelum PRU 1969, perikatan mendapat undian daripada pengundi bukan-komunal di kawasan 'bandar' dan 'semi bandar'. Penglibatan DAP dan Gerakan (yang baru ditubuhkan beberapa tahun menjelang PRU 1969) yang merupakan parti bersifat multi-etnik menyebabkan pengundi bukan-komunal mengalihkan sokongan mereka daripada Perikatan kepada parti-parti tersebut semasa PRU 1960 (Ratnam and Milne, 1970).

Peranan etnik sebagai penentu politik di Malaysia turut di sokong oleh Ismail Kassim (1979). Politik akomodasi yang menggabungkan parti-parti politik berasaskan etnik seperti BN dalam sistem Persekutuan di Malaysia menurut Ismail, memberi kelebihan kepada BN memandangkan sesetengah parti komponen mendapat sokongan pada peringkat wilayah. Parti Gerakan mendapat sokongan kuat di Pulau Pinang dan USNO mendapat kepercayaan pengundi di Sabah. Namun begitu, sentimen etnik yang kuat seperti ditunjukkan oleh pengundi Melayu di Kelantan tidak memberi kelebihan kepada UMNO kerana pengundi Melayu di Kelantan tidak dapat menerima konsep kerjasama antara UMNO dengan parti bukan-Melayu (menerusi BN) pada peringkat nasional (Ismail Kassim 1979: 94). Selepas peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang menjadi batu tanda dalam kerjasama antara parti-parti berasaskan etnik, pemimpin UMNO menyaksikan apa yang telah berlaku kepada Tunku Abdul Rahman dan menyedari bahawa sokongan pengundi Melayu adalah amat penting kepada mereka untuk terus berkuasa (Ismail Kassim, 1979: 93).

Semasa Horowitz (1985) menjalankan kajian di Malaysia, signifikasi etnisiti masih ketara kerana antara puncanya (selain parti berasaskan kaum) status sistem di mana komuniti Melayu secara jelas menguasai politik dan komuniti Cina menguasai ekonomi. Pilihan dan corak pengundian dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia menunjukkan,

“...party and society act on each other. Nowhere is the reciprocal relation between party and society more evident than in ethnic politics. Where ethnic loyalties are strong, parties tend to be organised along ethnic line” (Horowitz, 1985: 291).

Menurut Horowitz (1985: 86), ciri-ciri masyarakat yang terbahagi kepada etnik menghalang pembangunan hubungan sosial antara kumpulan-kumpulan etnik dan meninggalkan kesan terhadap struktur organisasi politik dan bukan politik. Dalam konteks politik, etnisiti menyebabkan ahli-ahli kumpulan menumpukan kesetiaan terhadap parti dan mempengaruhi pilihan semasa mengundi. Keputusan untuk keluar mengundi pada peringkat nasional, negeri dan kerajaan tempatan dilakukan di bawah pertimbangan etnik.

Balasubramaniam (2005) menyambung hujah yang pernah dikemukakan oleh Ratnam dan Milne (1970) mengenai hubungan antara komposisi etnik dan corak pengundian yang berlaku di kawasan parlimen campuran. Ratnam dan Milne (1970) membahagikan kawasan parlimen kepada bandar, semi bandar dan luar bandar. Sebaliknya Balasubramaniam (2005: 50) membahagikan kerusi parlimen di Malaysia kepada empat kategori berdasarkan peratusan pengundi Melayu seperti berikut:

- (a) *Kawasan minoriti* – apabila pengundi Melayu/bumiputera adalah kurang daripada 30 peratus;
- (b) *Kawasan campuran* – di mana pengundi Melayu/bumiputera merupakan 30 hingga 59 peratus pengundi daripada keseluruhan pengundi;
- (c) *Kawasan majoriti* – di mana pengundi Melayu/bumiputera terdiri daripada 60 peratus hingga 79 peratus daripada jumlah keseluruhan, dan;
- (d) *Kawasan majoriti mutlak* – di mana pengundi Melayu/bumiputera 80 peratus dan ke atas.

Kunci kepada kejayaan BN mengekalkan penguasaan dua pertiga kerusi di parlimen dalam setiap PRU di Malaysia adalah disebabkan berlakunya ‘pengundian taktikal’ di *kawasan campuran* yang merupakan satu pertiga daripada jumlah keseluruhan kerusi parlimen (Balasubramaniam, 2006: 76). Pengundi ‘taktikal’ biasanya akan mengalahkan parti yang mereka tidak suka (Balasubramaniam, 2006: 82). Pengundi bukan Melayu tidak suka kepada PAS kerana memperjuangkan konsep undang-undang jenayah Islam atau agenda negara Islam dan lebih rela memilih UMNO berbanding dengan PAS. Sementara itu, pengundi Melayu dan bumiputera lebih bersedia mengundi calon bukan Melayu daripada parti MCA/MIC/Gerakan berbanding calon daripada parti DAP yang memperjuangkan idea ‘Malaysian Malaysia’ dan kepentingan kumpulan bukan-bumiputera.

Komposisi etnik dan bagaimana kawasan parlimen campuran digunakan untuk mempertahankan kekuasaan BN dalam PRU di Malaysia turut dibincangkan oleh Brown (2005). Menurut Brown (2005), proses persempadanan semula yang dilakukan di Semenanjung Malaysia sejak selepas merdeka hingga 2002, melibatkan dua aspek bias seperti berikut: a) *bias etnik* di mana persempadanan memberi kekuatan tambahan kepada kumpulan etnik tertentu, khususnya etnik Melayu; dan b) *bias politik* di mana sistem persempadanan memberi kekuatan tambahan kepada kawasan geografi tertentu dan taburan etnik tertentu dalam sesebuah konstituensi yang memberi kelebihan kepada penyandang, iaitu BN (Brown, 2005: 430).

Model lama yang beroperasi di Malaysia sebelum PRU 1999 menunjukkan pengundi di kawasan bandar cenderung untuk mengundi pembangkang dan pengundi di luar bandar cenderung mengundi BN. Sehubungan dengan itu, kawasan parlimen di luar bandar diperbanyakkan menerusi proses persempadanan semula dan ini

menjadikan proses tersebut memihak kepada memberi kekuatan terhadap etnik Melayu (Brown, 2005: 441). Semasa PRU 1995 dan 1999, susunan seperti di atas tidak menguntungkan BN apabila corak pengundian di kawasan luar bandar berubah kepada PAS. Sehubungan dengan itu, persempadanan semula yang dilakukan pada tahun 2002 telah menyebabkan kerusi di kawasan bandar dan semi-bandar di mana taburan pengundi mengikut etnik berada dalam kategori *kawasan campuran* ditambah bilangannya untuk memberi kelebihan kepada BN (Brown, 2005).

Selain pengkaji yang dibincangkan di atas, kajian terhadap sistem elektoral seperti persempadanan semula, pemindahan pengundi dengan perubahan sempadan kawasan pilihan raya, kadar bilangan pengundi yang tidak sama diantara kawasan pilihan raya dan kaitan dengan perilaku pengundi dapat dilihat antaranya menerusi kajian oleh: Lim (2005); Ong dan Welsh (2005). Sementara itu pemeriksaan terhadap pelbagai aspek kelemahan dan masalah dalam sistem pilihan raya di Malaysia dapat dilihat menerusi hasil kerja Puthuchery dan Norani (2005).

Corak pengundian di *kawasan campuran* dan strategi persempadanan semula dengan memperbanyakkan kawasan tersebut berjaya memberi kelebihan kepada BN sehingga PRU 2004. Keputusan PRU 2008 ternyata berbeza dengan penemuan kajian yang dilakukan oleh Balasubramaniam (2005, 2006) dan Brown (2005). Sebanyak 39 daripada 80 kerusi parlimen yang dimenangi oleh Pakatan selepas keputusan PRU 2008 berada dalam kategori *kawasan campuran* (Lian K. F. dan Appudurai 2011: 78).

Lian K. F. dan Appudurai (2011) menyatakan faktor-faktor seperti perpecahan UMNO, era reformasi, peranan masyarakat sivil dan kerjasama antara parti pembangkang menerusi Pakatan menyumbang peralihan undi di *kawasan campuran*.

Kempen parti-parti pembangkang yang mempromosikan ‘multiculturalism’ amat berkesan di *kawasan campuran*, khususnya di kawasan yang terdapat ramai pengundi Melayu. ‘This is because the message of multiculturalism delivered by a Malay-led opposition coalition is more acceptable than one delivered by a DAP Chinese candidate’ (Lian dan Appudurai, 2011: 79).

Mengikut Maznah (2008: 443), kemerosotan ekonomi, faktor kepimpinan Abdullah-Anwar dan kebangkitan media baru menyumbang kepada peralihan undi semasa PRU 2008. Strategi Pakatan meletakkan calon daripada parti komponen mengikut kategori kawasan parlimen secara satu lawan satu berhadapan dengan BN merupakan satu mekanisme yang berkesan.

In an attempt to weaken the BN’s stronghold, an electoral pact was drawn among opposition parties to prevent contests against one another and to match party and candidacy in accordance with the ethnic composition of the seats. In this regard, PAS stood in the Malay majority areas, the DAP in Chinese dominant areas while PKR concentrated its candidates in the mixed-urban seats. This strategy worked well. The formula of seat allocation according to the distribution of the ethnic vote-banks which used to be the fail-safe strategy of the BN, have been replicated by the opposition (Maznah, 2008: 446)

Keputusan PRU 2008, disifatkan oleh Maznah (2008: 454) sebagai ‘the turning’ dalam politik Malaysia dimana sistem dua parti telah menjadi realiti dan diterima oleh pengundi daripada pelbagai kaum. Secara tidak langsung sistem dua parti ini juga

menandakan berlaku perubahan dalam corak pengundian yang berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya yang ditentukan oleh etnik.

2.4.2 Kelas Menengah dan Gaya Hidup

Pada tahun 1960an, Michael Stenson (1980) membuat kajian terhadap komuniti India di kawasan ladang di Semenanjung Malaysia dan beliau membuat rumusan bahawa kesedaran etnik mengatasi kesedaran kelas. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan terhadap kelas menengah di Malaysia pada tahun-tahun 1990an menunjukkan bahawa etnisiti masih memberi pengaruh terhadap perilaku pemilihan tetapi menduduki tangga kedua selepas faedah pembangunan (development gain).

Judith Nagata (1974) yang mempelopori konsep ‘situational selection of identity’ mendapati kumpulan sub-etnik dalam masyarakat Melayu seperti Arab, Jawa dan India Muslim biasanya menukar identiti mengikut keadaan. Beliau menyatakan, kumpulan sub-etnik tersebut akan: a) mengaitkan diri mereka dengan identiti asal dan tidak mengaku sebagai Melayu, kerana Melayu (secara stereotaip) dikaitkan dengan sifat malas; b) mengaku sebagai sebahagian daripada Melayu dan kerajaan apabila terdapat faedah (material gain) dalam hubungan dengan pemerintah, khususnya selepas DEB diperkenalkan (Nagata, 1974: 331-50).

Pembangunan dan modenisasi mewujudkan etos komersial dan kelas sosial yang terpencar (fragmented) di Malaysia (Saravanamuttu, 1992, 2003; Abdul Rahman Embong, 1999). Menurut Saravanamuttu (1992), terdapat dua jenis orientasi politik dalam kalangan kelas menengah. Pertama, ahli kelas menengah aktif mempromosi dan

menjuarai isu-isu sosial berkaitan dengan demokrasi, hak asasi manusia dan alam sekitar, menunjukkan keprihatinan tinggi dan mendokong nilai-nilai sejagat yang melibatkan silang etnik serta menyediakan wacana alternatif kepada perspektif *ethnocentric* yang sering dikaitkan dengan masyarakat Malaysia. Kedua, ahli kelas menengah mendokong politik *status quo* dan mengutamakan kesejahteraan ekonomi. Gaya hidup golongan ini berkait rapat dengan pembangunan ekonomi dan dengan itu cenderung menyokong rejim yang bersifat autoritarian. Golongan kelas menengah ini dilihat masih tebal dengan etnisiti dan ada juga sesetengahnya bersikap ‘apolitical’ dan mempopularkan aspek budaya etnik (Saravanamuttu, 2003: 179). Dalam kajian beliau sebelum PRU 10 di Bayan Baru, Pulau Pinang, Saravanamuttu menyatakan bahawa sokongan pengundi Melayu terhadap BN masih tinggi, namun begitu terdapat sebahagian pengundi secara berterusan tanpa mengira etnik menyokong BA (Saravanamuttu, 2003: 187).

Abdul Rahman Embong (1999), cuba menjelaskan perilaku politik golongan kelas menengah dengan melihat kepada gaya hidup dan budaya konsumerisme. Beliau mendapati bahawa kelas menengah Melayu terbahagi dua golongan iaitu: *pertama, kumpulan yang menyokong rejim autoritarian BN; kedua, kumpulan yang kritikal terhadap BN dan mengundi parti pembangkang* (Abdul Rahman Embong, 1999: 270). Lokasi kelas tidak menjadi penentu dalam pilihan politik mereka, sebaliknya gaya hidup dan budaya konsumerisme memainkan peranan penting. Dengan kata lain, pengundi Melayu kelas menengah akan memilih calon dan parti yang dapat membawa pembangunan dan aspek material menjadi pertimbangan penting semasa membuat pilihan politik.

Penemuan Abdul Rahman Embong (1999) mengesahkan apa yang pernah dinyatakan oleh Crouch (1993, 1996). Pembangunan ekonomi yang pesat di tahun-tahun 1980an dan 1990 memudahkan pihak kerajaan memenuhi aspirasi material golongan kelas menengah. Menurut Crouch, dari segi luaran, evolusi struktur kelas di Malaysia kelihatan menuju kepada pengukuhan sistem politik demokrasi, *'but the middle class does not constitute a coherent force because it is sharply divided along ethnic lines'* (Crouch 1996: 192). Tidak seperti trajektori teori modenisasi di mana kelas menengah dikaitkan dengan pengukuhan demokrasi, kelas menengah Melayu di Malaysia mempamerkan gaya hidup ke arah Islam (Hussin Mutalib, 1991; Sharifah Zaleha Syed Hassan, 2001).

Dalam analisis keputusan PRU 1999, Bridget Welsh (2004) membuat kesimpulan bahawa aspek *fundamental* politik di Malaysia mengalami perubahan ketara semasa era reformasi. Beliau dapati bahawa terdapat peralihan undi daripada golongan kelas menengah bandar daripada BN kepada BA, khususnya di Semenanjung Malaysia. Welsh (2004) membuat analisis keputusan jumlah undi yang diperolehi di 15 pusat daerah mengundi di Kuala Lumpur dan Selangor. Dalam analisisnya, beliau menunjukkan pembangkang berjaya meningkatkan undi mereka secara purata sebanyak enam peratus semenjak PRU 1995 (Welsh, 2004: 147).

2.4.3 Budaya Politik

Penstrukturan semula masyarakat selepas pelaksanaan DEB (1971-90) berjaya menghasilkan golongan peniaga Melayu dan kelas menengah. Perkembangan ini berjaya mengurangkan ketegangan etnik di Malaysia menjelang penghujung dekad 90an

(Loh K.W., 2001: 183). Golongan bukan Melayu yang pada peringkat awal pelaksanaan DEB agak kritikal, telah memilih untuk menyokong BN berikutan daripada banyak peluang yang dibuka kepada mereka menerusi polisi liberalisasi ekonomi dan budaya serta pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan pada dekad 90an (Loh K.W., 2001: 184).

Menurut Loh K.W. (2001), kerajaan BN menerusi jentera parti dan wakil-wakil rakyat mereka terlibat dalam menyelesaikan dan menyampaikan apa yang disifatkan sebagai ‘development need’ serta mengeneipkan perdebatan mengenai isu-isu demokrasi seperti ketelusan, keadilan undang-undang dan pengagihan kuasa. Sebaliknya masyarakat Malaysia dan komuniti bukan Melayu khususnya,

“...dibuaikan dengan budaya politik baru (meninggalkan budaya perbincangan terhadap isu-isu penting) iaitu mempromosikan pembangunan, menekankan penyampaian barangan dan perkhidmatan awam, ekonomi berorientasikan pembangunan dan negara yang diperintah secara status quo oleh BN “(Loh K.W., 2001: 201-202).

Dalam kajian yang dilakukan semasa PRU 1999 di kawasan parlimen Bukit Bendera, Pulau Pinang, Loh K.W. (2003: 68) menyatakan peratusan pengundi Melayu yang mengundi DAP di kawasan peti undi Tanjong Tokong (70 peratus pengundi Melayu) meningkat daripada 14.8 kepada 32.3 peratus.³⁰ Dari segi kelas sosial, beliau menyatakan bahawa BN mendapat sokongan daripada kawasan yang mempunyai penempatan golongan kelas pekerja dan kelas menengah bawah. Perkara ini berlaku

³⁰ Fakta ini tidak meyakinkan kerana analisis yang dibuat adalah berdasarkan pemerhatian dan keputusan yang diperolehi di pusat daerah mengundi di mana undi yang dibuang tidak boleh dikaitkan secara tepat dengan etnik. Pihak SPR sendiri tidak mengeluarkan data keputusan undi mengikut etnik.

kerana kelas pekerja dan kelas menengah bawah kurang mendapat pendedahan politik dan menjadi mangsa kepada propaganda jentera BN.

2.4.4 Pendekatan Pilihan Rasional

Syed Arabi Idid (2011: 4) menggunakan analisis kandungan untuk melihat bagaimana akhbar melaporkan berita semasa PRU 2004 dan tinjauan pendapat awam untuk mengetahui isu semasa serta sebab pengundi memilih parti tertentu. Beliau mendapati bahawa isu-isu yang dibawa oleh akhbar dan publik adalah sama (berdasarkan analisis liputan) semasa PRU 2004. Walau bagaimanapun, penemuan semasa PRU 2008 menunjukkan isu yang dibangkitkan oleh akhbar adalah berbeza dengan isu yang dianggap penting oleh publik semasa PRU 2008. Analisis yang dibuat mendapati media kerap melaporkan isu yang berkaitan dengan calon bertanding, kempen dan parti pembangkang, walhal orang ramai lebih memfokuskan isu ekonomi, soal pembangunan dan kepimpinan (Syed Arabi Idid 2011: 150-51).³¹

Walaupun Syed Arabi Idid (2011) tidak menganalisis dapatan kajiannya dalam rangka teori pilihan rasional, angkubah kajian beliau seperti isu ekonomi dan kepimpinan merupakan antara konsep utama dalam teori pilihan rasional. Dalam kajian yang dilakukan diantara PRU 2004 dan 2008, beliau dapati,

terdapat satu perasaan yang baik dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sekiranya keadaan hidup dan keyakinan pengundi terhadap masa hadapan

³¹ Syed Arabi Idid (2011) melakukan sebanyak empat kali tinjauan pendapat awam iaitu pada Mac 2004 (N=1,511), April 2004 (N=1,140), Februari 2008 (N=1,415) dan Mac 2008 (N=1,654).

negara cukup kukuh, maka ia menjadi suatu yang menguntungkan parti yang memerintah (Syed Arabi Idid, 2011: 122-23).

Pengundi di Malaysia biasanya mengundi berdasarkan “parti” kerana mereka diajar sebegitu oleh parti semenjak PRU pertama diperkenalkan. Pada kebiasaannya, amat jarang pengundi memilih berdasarkan “calon” kerana pengundi di Malaysia tiada maklumat tentang calon yang akan mereka pilih dalam setiap PRU sehinggalah pada hari penamaan calon. Sekiranya mereka membuat keputusan berdasarkan “calon”, maknanya mereka tidak begitu gembira dengan prestasi parti dan dalam konteks di Malaysia parti penyandang yang lama berkuasa adalah komponen BN (Syed Arabi Idid, 2012). Di antara tahun 2004 hingga 2008;

Peratusan pengundi yang membuat keputusan berdasarkan “parti” telah menurun daripada 78 kepada 59 peratus. Sementara itu, pengundi yang memilih berdasarkan “calon” didapati meningkat daripada 22 kepada 40 peratus (Syed Arabi Idid, 2011: 128-29).³²

Semasa bulan Mac 2004, ‘responden yang berpuas hati dengan kepimpinan Perdana Menteri berada pada tahap 51 peratus. Tetapi pada bulan Mac 2008, peratusan tersebut menurun kepada 34 peratus’ (Syed Arabi Idid, 2011: 129-30). Angkubah utama pendekatan teori pilihan rasional juga dapat dikesan dalam satu kajian yang dilakukan oleh ‘Institute of Strategic Analysis and Policy Research’ (INSAP, 2007)³³. Kajian tersebut dilakukan berdasarkan saiz sampel sebanyak 2000 orang responden

³² Dari segi etnik, peratusan pengundi Melayu dan India yang mengundi berdasarkan parti didapati mencatatkan peratusan tertinggi berbanding dengan kumpulan etnik Cina (Syed Arabi Idid, 2011: 128).

³³ Institute of Strategic Analysis and Policy Research (INSAP) merupakan ‘think tank’ yang ditubuhkan oleh MCA semasa kepimpinan Datuk Seri Ong Ka Ting sebagai Presiden MCA (2003-2008, <http://www.mca.org.my/en/about-us/about-mca/history-zone/former-presidents/dato-seri-ong-ka-ting/>).

yang ditemui di lapan kawasan parlimen majoriti bukan Melayu, iaitu Kulai (Johor), Rasah (Negeri Sembilan), Kota Melaka (Melaka), Bukit Bintang (Wilayah Persekutuan), Petaling Jaya Utara (Selangor), Ipoh Barat (Perak) and Bukit Gelugor (Pulau Pinang) beberapa bulan sebelum PRU 2008 diadakan. Antara tujuan kajian yang dinyatakan adalah untuk mengetahui kecenderungan mengundi, khususnya dalam kalangan pengundi Cina dengan mengukur persepsi mereka terhadap aspek ekonomi, tadbir urus dan kepimpinan parti.

Majoriti (59 peratus) pengundi Cina didapati menyatakan pencapaian ekonomi pada tahap ‘sederhana’ (INSAP, 2007: 6). Berkenaan isu tadbir urus, didapati sebanyak 15 peratus tidak bersetuju dengan konsep Islam Hadhari tajaan Pak Lah, 26 peratus menyatakan kakitangan kerajaan ‘bermasalah’ dan 25 peratus lagi menyatakan perkhidmatan oleh kerajaan tempatan ‘tidak memuaskan’ dan 33 peratus menyatakan pemberian tender kerajaan dilakukan ‘secara telus’ (INSAP, 2007: 7). Populariti Abdullah Hj Ahmad Badawi berada pada tahap ‘amat rendah’ di empat daripada tujuh kawasan kajian. Empat kawasan tersebut ialah Bukit Gelugor (36 peratus), Kota Melaka (28 peratus), Bukit Bintang (25 peratus) dan Ipoh Barat (2 peratus) (INSAP, 2007: 8).

Terdapat beberapa persamaan antara kajian yang dilakukan oleh Syed Arabi Idid (2011) dan INSAP (2007). Antaranya adalah penggunaan angkubah ekonomi, isu utama dan kepimpinan Perdana Menteri. Hasil penemuan kedua-dua menunjukkan bahawa keadaan ekonomi sebelum PRU 12 tidak memberangsangkan, kos sara hidup dan masalah jenayah meningkat (perasaan tidak selamat) serta populariti Pak Lah adalah rendah khususnya bagi pengundi Cina. Hasil penemuan kedua-dua kajian di atas secara umumnya menunjukkan bahawa pengundi di Malaysia membuat beberapa perkiraan sebelum mengundi dan tidak lagi bergantung kepada elemen kesetiaan terhadap etnik

seperti didakwa oleh para pengkaji sebelumnya. Sehubungan dengan itu, kerenggangan terhadap parti pemerintah iaitu BN semakin ketara.

Penemuan kajian berdasarkan survei dalam kerangka pilihan rasional seperti di atas menunjukkan peratusan pengundi di Malaysia melakukan penilaian terhadap keadaan ekonomi, kepimpinan parti dan isu-isu utama didapati agak tinggi. Lazimnya, pengundi yang mampu membuat penilaian akan memberikan undi kepada parti pembangkang atau kerajaan berdasarkan penilaian mereka terhadap prestasi ekonomi, polisi kerajaan dan imej kepimpinan parti seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Antara rumusan yang dapat dibuat hasil penemuan daripada tinjauan terhadap kajian terdahulu ialah, menjelang penghujung dekad 1990an corak pengundian telah mengalami perubahan di Malaysia. Perbincangan mengenai perubahan ini berbeza mengikut fokus dan pendekatan kajian yang digunakan. Kajian yang memfokuskan kepada komuniti etnik tertentu, khususnya seperti Melayu mendapati corak pengundian lama yang berpaksi kepada etnik telah berubah kepada agama, pembangunan, urusan tadbir dan lain-lain. Namun begitu, corak pengundian komuniti Melayu sukar untuk di generalisasikan kerana perubahan yang menyeluruh tidak berlaku tetapi hanya dapat dikesan dalam konteks regional dan *kawasan campuran*, khususnya di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia. Dengan itu, pembahagian antara bandar-luar, pengundi muda dan pengundi lama bandar menjadi semakin ketara. Kajian yang menggunakan pendekatan pengundi rasional pula menunjukkan bahawa pengundi di Malaysia membuat beberapa perkiraan sebelum mengundi khususnya dalam aspek kepimpinan, prestasi kerajaan dan isu-isu utama. Oleh yang demikian, proses kerenggangan terhadap parti pemerintah iaitu BN telah menjadi fenomena baru di Malaysia.

2.5 Model Kajian

Kajian ini menggunakan teori pilihan rasional sebagai kerangka teori utama dan model literasi politik yang diperkenalkan oleh Dalton (1984, 2007, 2012) sebagai kerangka utama. Teori pilihan rasional berpaksikan ‘rasional ekonomi’, prestasi parti dan calon serta cenderung menumpukan analisis terhadap proses membuat keputusan akhir tanpa pengaruh yang membolehkan pengundi memiliki kemahiran untuk membuat penilaian (Himmelveit et. al., 1985). Model literasi politik tergolong dalam kerangka teori pilihan rasional kerana fokus utama model ini adalah terhadap pengundi dalam kategori PAB yang tidak bersimpati terhadap parti dan membuat penilaian berdasarkan polisi yang ditawarkan oleh parti.³⁴

Model literasi politik yang dibangunkan oleh Dalton (1984, 2007, 2012) memberi fokus terhadap kategori pengundi yang lahir berikutan dua proses yang panjang iaitu mobilisasi parti dan literasi politik serta bagaimana setiap kategori pengundi mempunyai kriteria sendiri dalam proses membuat keputusan. Andaian utama model literasi politik ini adalah seperti berikut (Dalton ,1984, 2007, 2012):

- a) Pada peringkat awal (pendidikan tidak menyeluruh dan media hanya terhad kepada surat khabar dan radio), khususnya di tahun 1950an dan 1960, pengundi bergantung kepada parti untuk mendapat maklumat politik dan memahami kompleksiti dunia politik. Dengan kata lain, pengundi mempunyai tahap literasi politik yang rendah dan membuat keputusan berdasarkan sentimen kesetiaan kepada parti. Parti memobilisasikan pengundi untuk keluar mengundi dan memberi maklumat kepada pengundi

³⁴ Penilaian polisi parti, prestasi kerajaan dan calon merupakan antara angkubah utama teori pilihan rasional (Key, 1966; Fiorina, 1981).

mengenai institusi seperti pilihan raya dan perjuangan parti. Mobilisasi oleh parti menghasilkan dua kategori pengundi, iaitu PSP dan TMP. Asas utama kepada pembuatan keputusan dua kategori pengundi tersebut ialah 'parti' kepada PSP dan 'calon' bagi kategori TMP. Keputusan untuk mengundi sesebuah parti dibuat lama sebelum tempoh berkempen, khususnya bagi kategori PSP dan kempen atau isu-isu semasa pilihan raya tidak mempengaruhi keputusan mereka dalam membuat keputusan.

b) Perubahan sosial dan ekonomi mengubah nilai sesuatu masyarakat.

Kemajuan dalam sistem pendidikan dan perkembangan media massa seperti televisyen dan internet membolehkan maklumat politik boleh diperolehi dengan mudah dan murah. Sehubungan dengan itu, minat masyarakat terhadap politik turut meningkat dan kemahiran menilai maklumat politik menjadikan pengundi tidak lagi bergantung kepada parti sebaliknya bergantung kepada keupayaan mereka sendiri untuk menilai polisi parti-parti bertanding, prestasi penyandang dan isu-isu utama semasa kempen pilihan raya. Pendidikan dan minat terhadap politik menjadi dua pengukuran utama kepada tahap literasi politik yang lebih tinggi yang digunakan oleh Dalton. Dua kategori pengundi yang lahir berikutan dengan perubahan tahap literasi ini adalah PAB dan PPB. Asas utama kepada proses pembuatan keputusan bagi kategori pengundi PAB adalah penilaian terhadap polisi dan isu spesifik. Sementara itu, bagi kategori PPB pula, penilaian dibuat terhadap polisi dan kriteria calon.

c) Kategori PAB menjadi fokus analisis kepada pendekatan literasi politik kerana kategori pengundi ini digerakkan oleh minat mereka sendiri atau

dimobilisasikan oleh idea seperti demokrasi, keadilan sosial dan kesejahteraan. Mereka adalah refleksi kepada transformasi sosial dan ekonomi yang melanda masyarakat berikutan daripada proses pembangunan, urbanisasi dan modenisasi. Kategori pengundi ini adalah merujuk masyarakat yang cenderung kepada idea teori demokrasi di mana individu adalah rasional dan boleh menilai sendiri tanpa bergantung kepada parti. Mereka tahu menggunakan hak-hak mereka dan bagaimana untuk mendapatkan nilai yang mereka kehendaki menerusi proses pilihan raya. PAB biasanya terdiri daripada golongan muda, kelas menengah, lambat dalam membuat keputusan dan mengamalkan 'split ticket'.

- d) Perubahan dalam bilangan pengundi PSP dan PAB menggambarkan peralihan dalam mobilisasi politik daripada era institusi kepada era idea yang lebih canggih dan bertanggungjawab terhadap proses kerenggangkan politik.
- e) Terdapat dua ukuran tahap literasi politik yang digunakan oleh Dalton iaitu, *pendidikan* (mewakili komponen kemahiran) dan *minat* terhadap politik (mewakili komponen penyertaan).
- f) Ukuran lain untuk menunjukkan berlaku perubahan dalam tahap literasi politik ialah penyertaan aktif dalam mencabar kuasa elit politik (Dalton *et. al.*, 1984: 18).

Kajian ini akan menerima pengukuran yang sama seperti dianjurkan oleh Dalton (1984, 2007, 2012; Dalton, et al., 1984). Dalam konteks Malaysia, ukuran lain yang

boleh digunakan untuk menentukan tahap literasi politik adalah memberi perhatian terhadap aspek kualiti hidup.³⁵ Abdul Rahman Embong (1999) mendapati bahawa kelas menengah Melayu bandar, sesuai dengan sifatnya sebagai golongan ‘Melayu baru’ yang berhijrah daripada luar bandar ke bandar, meletakkan usaha melahirkan kembali kelas menengah bagi generasi anak-anak mereka sebagai keutamaan. Sehubungan itu, aspek pendidikan, kemudahan asas, keselamatan dan pengangkutan awam menarik perhatian mereka. Justeru sebagai pembayar cukai, mereka tahu tentang tugas dan peranan kerajaan serta sedar tentang hak yang seharusnya mereka boleh perolehi.

2.6 Hipotesis kajian

Berpandukan kepada kerangka teori dan model kajian seperti yang dinyatakan di atas, berikut adalah tiga hipotesis utama kajian ini:

- a) Pembangunan ekonomi dan modenisasi menyumbang kepada peningkatan tahap literasi politik khususnya dalam dimensi idea yang dapat dibahagikan kepada beberapa fasa. Peralihan dalam tahap literasi politik turut menukar proses dan wacana politik di Malaysia yang ditandai dengan aktiviti mencabar elit politik semakin pesat. Perubahan dalam dimensi idea diandaikan berkembang secara meluas pada zaman Abdullah Hj. Ahmad Badawi (2003-1009) berikutan kegagalan beliau mengekalkan janji untuk melaksanakan urus tadbir yang lebih baik, khususnya selepas PRU 2004.

³⁵ Kualiti hidup diukur berdasarkan persepsi terhadap tahap pengangkutan awam, tahap keselamatan, kemudahan asas, mutu pendidikan sekolah menengah dan mutu pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

- b) Pengaruh identifikasi parti terhadap pengundi Melayu bandar semakin menurun dan prestasi kerajaan dan pemimpin parti semakin merosot, khususnya sebelum PRU 2008 lagi.

- c) Apabila sesebuah kawasan menjadi maju, BN amnya dan UMNO khasnya, tidak lagi dapat menyampaikan “khidmatnya” dengan berkesan kerana gagal memahami keprihatinan Melayu bandar. Bagi golongan PAB, keprihatinan mereka adalah terhadap aspek kualiti hidup.